

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PERKHIDMATAN KIRIMAN WANG

A. Takrifan

1. Pemohon
Bermaksud pelanggan atau individu yang mengarahkan Bank untuk melaksanakan Perkhidmatan Kiriman Wang.
2. Bank
Merujuk Public Bank Berhad atau Public Islamic Bank Berhad (mengikut mana yang berkenaan), iaitu Institusi Kewangan berlesen yang menyediakan Perkhidmatan Kiriman Wang sebagaimana dinyatakan dalam borang ini.
3. Benefisiari
Bermaksud individu atau entiti yang ditetapkan untuk menerima dana yang dipindahkan atau dikirimkan.
4. Perkhidmatan Kiriman Wang
Merujuk perkhidmatan yang disediakan oleh Bank termasuk pemindahan dana melalui Pindahan Bertelegraf (TT), pindahan RENTAS, Giro antara Bank (IBG), pengeluaran Draf Pemintaan Asing (FDD), dan Cek Jurubank (BC), dan takrifan ini hendaklah ditafsirkan mengikut kandungan dimana istilah itu digunakan.
5. Terma dan Syarat
Merujuk terma dan syarat sebagaimana dinyatakan dalam ini dan termasuk apa-apa pindaan, variasi dan/atau tambahan yang dibuat atau dimeterai dari semasa ke semasa.
6. Wang Tak Dituntut
Bermaksud dana yang masih tidak dibayar atau tak dituntut selepas tempoh yang ditetapkan, tertakluk pada peruntukan-peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

B. Tafsiran

1. Perkataan dalam bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya.
2. Perkataan dalam bentuk maskulin merangkumi feminin dan neutral, dan sebaliknya.
3. Rujukan kepada seseorang termasuk peguam, wasi dan pentadbirinya, dan Terma dan Syarat ini adalah mengikat kepada mereka.
4. Mana-mana istilah perbankan yang tidak ditakrif atau dijelaskan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsir mengikut amalan umum bank dan institusi kewangan di Malaysia.
5. Tajuk utama dan subtajuk dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan hanya untuk kesenangan dan tidak boleh diambil kira dalam pentafsiran mana-mana fasal.
6. Rujukan kepada perkataan "termasuk", "contohnya" atau perkataan lain yang seumpamanya apabila memperkenalkan contoh tidak menghadkan maksud perkataan itu kepada contoh tersebut sahaja.
7. Mana-mana rujukan kepada statut, akta, peraturan atau garis panduan ("Undang-undang") dalam Terma dan Syarat ini hendaklah merangkumi semua perundangan subsidiarinya, pindaan, variasi atau penggubalannya semula yang boleh dikuatkuasakan atau dibuat dari semasa ke semasa. Sekiranya Undang-undang tersebut dimansuhkan dan digantikan dengan Undang-undang lain, rujukan tersebut hendaklah merujuk kepada Undang-undang yang menggantikan itu mulai tarikh Undang-undang tersebut berkuat kuasa.

C. Terma dan Syarat

1. Dengan mengarahkan Bank untuk melaksanakan Perkhidmatan Kiriman Wang, Pemohon dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat ini.
2. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat yang mengawal akaun deposit berkenaan dan/atau perkhidmatan yang digunakan untuk melaksanakan Perkhidmatan Kiriman Wang ("Terma dan Syarat Lain"). Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat Lain, maka Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi perkara yang berkaitan dengan Perkhidmatan Kiriman Wang.

D. Keselamatan dan Privasi Data

1. Perlindungan Data
 - a. Bank akan menguruskan semua data peribadi selaras dengan undang-undang perlindungan data yang terpakai.
 - b. Pemohon bersetuju dengan pemprosesan, perkongsian dan pendedahan data mereka sebagaimana dinyatakan dalam dasar privasi Bank.
 - c. Pemohon hendaklah menjaga butiran akaun, kod akses, kata laluan dan/atau arahan mereka dengan sewajarnya, khususnya apabila dana bagi mana-mana Perkhidmatan Kiriman Wang didebitkan daripada akaun tersebut.
 - d. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, tuntutan dan/atau ganti rugi yang timbul akibat akses atau urus niaga tanpa kebenaran akibat kecuaiannya Pemohon dan/atau kegagalan dalam menjaga butiran akaun, kod akses, kata laluan dan/atau arahan Pemohon.
2. Pencegahan Penipuan
 - a. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa penggunaan tanpa kebenaran atau urus niaga penipuan yang timbul daripada Perkhidmatan Kiriman Wang kecuali jika disebabkan oleh kecuaiannya besar atau keingkaran dengan sengaja oleh pihak Bank.

E. Pengeluaran dan Kesahan Instrumen

1. Draf Permintaan Asing (FDD)
 - a. Akan dikeluarkan dalam bentuk bersilang kecuali jika ada arahan selainnya.
 - b. Sah untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran.
2. Cek Jurubank (BC)
 - a. Akan dikeluarkan dalam bentuk bersilang.
 - b. Sah untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran.
 - c. BC akan dikelaskan sebagai Wang Tak Dituntut sekiranya ia masih tidak dibayar dua belas (12) bulan selepas tarikh pengeluaran. Menurut peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965, jumlah yang tak dituntut akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut (RUM). Pemohon boleh menuntut jumlah tidak dibayar tersebut mengikut prosedur yang ditetapkan oleh RUM dari semasa ke semasa, termasuk pengemukakan borang UMA-7 dan apa-apa dokumen sokongan lain yang diperlukan di mana-mana pejabat RUM.
 - d. Jika bayaran dibuat melalui cek, kiriman wang ini hanya akan dilaksanakan selepas cek tersebut telah dijelaskan.

F. Pemindahan Dana dan Pembayaran

1. Pemprosesan Pemindahan
 - a. Pindahan Bertelegraf (TT), Pindahan RENTAS dan Giro antara Bank (IBG) dihantar melalui wayar, kabel atau telex atau melalui saluran lain, dikodkan sebagaimana diperlukan, secara sepenuhnya atas risiko Pemohon.
 - b. Bank atau mana-mana cawangannya tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa akibat yang timbul daripada gangguan, kelalaian, kesilapan, salah tafsir, kerosakan, kehilangan atau kelewatan dalam penghantaran kecuali jika disebabkan oleh kecuaiannya besar atau keingkaran dengan sengaja oleh pihak Bank.
 - c. Bank boleh menggunakan perkhidmatan mana-mana koresponden, bank atau ejen di mana-mana lokasi untuk melaksanakan pemindahan. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemohon atas apa-apa tindakan atau kegagalan mana-mana koresponden, bank dan/atau ejen sedemikian atau disebabkan kelewatan atau kegagalan dalam pemindahan. Semua caj yang timbul berkaitan dengan pemindahan termasuk apa-apa caj yang ditanggung oleh Bank dalam melantik koresponden, bank atau ejen sedemikian hendaklah ditanggung oleh Pemohon.
 - d. Bagi mana-mana pemindahan dana, kredit ke akaun Benefisiari boleh dibuat hanya berdasarkan nombor akaun yang diberikan oleh Pemohon, bergantung pada prosedur yang dilaksanakan di bank penerima.
 - e. Pembayaran hanya akan diproses selepas cek berjaya dijelaskan (jika berkenaan).
2. Semakan dan Pengesahan
 - a. Pemohon bertanggungjawab untuk memastikan semua maklumat, dokumen dan/atau tujuan pembayaran berkaitan dengan Perkhidmatan Kiriman Wang yang diberikan kepada Bank adalah tepat, terkini dan lengkap.
 - b. Bank boleh bergantung kepada maklumat dan/atau dokumen sedemikian dengan niat baik.

- c. Walaupun Bank akan melaksanakan arahan pembayaran pada hari yang sama setelah menerima arahan pembayaran daripada institusi kewangan lain, Bank harus diberikan masa yang munasabah untuk mendapatkan pengesahan daripada bank pengirim sekiranya arahan pembayaran tidak teratur.
3. Masa dan Kelewatan
 - a. Bank akan berusaha untuk menghantar TT pada hari bekerja yang sama.
 - b. Walau bagaimanapun, Bank atau ejennya tidak bertanggungjawab atas kelewatan pembayaran yang mungkin berlaku akibat masa pemprosesan antara bank, perbezaan zon masa, atau keadaan lain yang tidak dijangka.
 4. Pembatalan
 - a. Sekiranya terdapat apa-apa pembatalan arahan bagi pemindahan dana dan/atau pembayaran, permintaan sedemikian mesti dibuat secara bertulis oleh Pemohon kepada Bank.
 - b. Bank berhak untuk menggunakan budi bicara sama ada untuk membatalkan arahan tersebut di mana arahan pembatalan tersebut tidak jelas atau tidak diterima dalam masa yang ditetapkan oleh Bank.
 5. Bayaran Balik
 - a. Dengan syarat Bank masih memegang dana tersebut, apa-apa bayaran balik oleh Bank hendaklah dibuat, jika boleh, hanya kepada Pemohon mengikut budi bicara mutlak Bank (tolak semua kos, keuntungan/faedah, perbelanjaan, fi, caj dan cukai yang berkenaan) tertakluk pada pematuhan terma dan syarat yang mungkin diperlukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - b. Jika jumlah FDD atau dana yang dipindahkan adalah dalam mata wang asing, bayaran balik boleh dibuat berdasarkan kadar beli Bank atas permintaan untuk mata wang berkenaan pada hari bayaran balik dibuat dan tertakluk pada apa-apa sekatan pertukaran atau sekatan lain.
 - c. Dalam kes BC atau FDD, bayaran balik hanya akan dibuat setelah penerimaan BC atau FDD oleh Bank, yang disahkan dengan sewajarnya oleh Pemohon.

G. Pengemukaan Dalam Talian

1. Pemohon bersetuju bahawa apa-apa arahan, maklumat atau dokumentasi yang dikemukakan dalam talian telah diberi kuasa dengan sewajarnya dan dikeluarkan oleh Pemohon, dan Bank berhak bergantung dan bertindak atas arahan sedemikian dengan niat baik tanpa pengesahan lanjut.
2. Pemohon hendaklah memastikan akses mereka ke platform perbankan dalam talian Bank adalah selamat dan dilindungi daripada penggunaan tanpa kebenaran. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul akibat arahan atau urusan niaga tanpa kebenaran kecuali disebabkan oleh kecuaiian besar atau keingkaran dengan sengaja oleh pihak Bank.
3. Bank berhak menolak atau enggan menerima apa-apa pengemukaan dalam talian yang tidak lengkap, tidak tepat atau tidak mematuhi keperluan atau dasar dalaman Bank.
4. Pengemukaan dalam talian tertakluk pada terma dan syarat terpakai yang mengawal penggunaan perkhidmatan perbankan dalam talian Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perjanjian pengguna, langkah-langkah keselamatan dan protokol pengesahan yang berkuat kuasa pada masa pengemukaan.
5. Cap masa yang dijana oleh sistem Bank berhubung dengan apa-apa pengemukaan dalam talian hendaklah menjadi bukti muktamad tarikh dan masa penerimaan oleh Bank.

H. Tanggungjawab dan Liabiliti

1. Bank atau cawangan, koresponden atau ejennya tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kelewatan, kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh apa-apa tindakan, dekri atau perintah mana-mana kerajaan atau agensi kerajaan atau akibat daripada apa-apa sebab lain termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, serangan siber, peperangan atau apa-apa perkara lain di luar kawalan Bank atau cawangan, koresponden atau ejennya.
2. Bank, bagi pihak Pemohon, bebas menggunakan mana-mana cawangan, koresponden, ejen atau mana-mana agensi lain untuk melaksanakan pembayaran FDD atau pemindahan dana tersebut.
3. Pemohon bersetuju untuk menanggung rugi Bank terhadap apa-apa liabiliti, prosiding undang-undang, tuntutan, desakan, kerugian, kerosakan atau kos yang timbul daripada Bank bergantung pada maklumat dan/atau arahan sedemikian, kecuali jika kerugian tersebut berpunca daripada kecuaiian besar atau keingkaran dengan sengaja oleh pihak Bank.
4. Jika BC atau FDD yang dipohon hilang, dicuri atau dimusnahkan, Pemohon, berhubung dengan apa-apa permintaan bertulis untuk pengeluaran penggantian, hendaklah memberikan surat tanggungan yang boleh diterima oleh Bank terhadap apa-apa kerugian atau liabiliti berkenaan BC atau FDD yang hilang, dicuri atau dimusnahkan tersebut.

5. Pemohon hendaklah segera memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya Benefisiari tidak menerima dana. Setelah menerima notis bertulis sedemikian yang diberikan oleh Pemohon, Bank akan meneliti aduan Pemohon dan menjalankan siasatan serta pembetulan yang perlu, jika ada.
6. Pemohon bersetuju bahawa Bank boleh menyimpan dan mendedahkan maklumat yang terkandung di dalam ini kepada Bank Benefisiari, koresponden atau ejen Bank. Pemohon memahami bahawa jika persetujuan ini tidak diberikan, Bank tidak akan dapat memproses permohonan ini atau melaksanakan pembayaran atau pemindahan dana. Pemohon selanjutnya bersetuju bahawa Bank boleh, dalam urusan perniagaan biasa, mendedahkan maklumat berkaitan hal ehwal atau akaun Pemohon kepada mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
7. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit atau punitif yang timbul daripada penggunaan atau ketidakupayaan menggunakan Perkhidmatan Kiriman Wang.

I. Undang-Undang dan Pematuhan

1. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia. Apa-apa pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan terma dalam Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk pada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
2. Pemohon bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan dan sekatan yang berkenaan termasuk yang ditetapkan dalam bidang kuasa tempat dana dikirim berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Kiriman Wang.
3. Pemohon menjamin bahawa semua urusan niaga adalah sah dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang terpakai.
4. Bank berhak menolak atau menggantung apa-apa urusan niaga yang disyaki melibatkan aktiviti haram seperti pengubahan wang haram, penipuan atau pembiayaan keganasan, selaras dengan undang-undang pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang berkenaan.

J. Pelbagai

1. Semua kos, perbelanjaan, fi dan caj yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa atau apa-apa cukai yang berkenaan sama ada sedang berkuat kuasa atau akan dilaksanakan dan dikenakan mengikut undang-undang, berkaitan dengan Perkhidmatan Kiriman Wang hendaklah ditanggung oleh Pemohon kecuali jika terdapat arahan selainnya.
2. Semua caj di luar Malaysia hendaklah ditanggung oleh Benefisiari kecuali jika terdapat arahan selainnya.
3. Penebusan atau pembayaran FDD atau dana yang dipindahkan adalah tertakluk pada peraturan dan undang-undang yang terpakai di negara tempat pembayaran dibuat.
4. Jika mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini dianggap tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa, fasal tersebut hendaklah tidak berkesan setakat ketidakabsahan atau ketidakbolehkkuatkuasaan tersebut tanpa menjejaskan kesahan atau keberkesanan fasal selebihnya dalam Terma dan Syarat ini. Apa-apa ketidakabsahan atau ketidakbolehkkuatkuasaan dalam mana-mana bidang kuasa tidak akan menjadikan fasal tersebut tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bidang kuasa lain.
5. Kegagalan atau kelewatan oleh Bank dalam menguatkuasakan apa-apa hak di bawah Terma dan Syarat ini tidak akan dianggap sebagai pelepasan hak tersebut.
6. Bank boleh meminda, mengubah, memadam dan/atau mengubahsuai Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari, di mana notis sedemikian boleh dipaparkan di laman web Bank atau di mana-mana cawangan Bank atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana ditentukan oleh Bank.

[RUANG SELEBIHNYA PADA HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]